

KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN OKTOBER 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
1.	01.10.2021	uCustoms Tak Siap – SPRM Siasat Sistem JKDM Telan Belanja RM397.43 Juta	Harian Metro	3
2.	01.10.2021	Najib Arah Buang Isu Sensitif – Laporan 1MDB	Harian Metro	4
3.	02.10.2021	Penolong Pegawai Tanah Didakwa	Sinar Harian	5
4.	02.10.2021	Penjawat Awam Tak Mengaku Terima 6 Transaksi Suapan	Harian Metro	6
5.	02.10.2021	Rasuah Lulus Pinjaman Peribadi – Dua Kakitangan Bank Didakwa Terima Upah	Harian Metro	7
6.	05.10.2021	Rosmah To take Witness Stand Today In Solar Project Graft Trial Involving RM1.25 Bil	The Edge CEO Morning Brief	8
7.	09.10.2021	Tengah Malam Pun Boleh Jumpa – Dakwaan Bolot Projek, Royalti Pasir Melaka	Harian Metro	9
8.	13.10.2021	Dua Kakitangan Agensi Kerajaan Direman	Harian Metro	10
9.	14.10.2021	Bekas Penyelaras DUN Lendu Disyaki Selewang RM100,000	Kosmo	11
10.	14.10.2021	SPRM Datang ‘Jemput’ Di Rumah – Tuntutan Palsu Program Penjana Kerjaya 1.0	Harian Metro	12
11.	14.10.2021	‘Gelap Mata’ Dengan RM5,800 – Penyelia Asrama Terima Suapan Dipenjara Sehari, Denda RM8K	Harian Metro	13
12.	14.10.2021	Rugi RM19.2 Juta Sehektar – Kegiatan Penerokaan Hutan Secara Haram	Sinar Harian	14
13.	14.10.2021	Bekas Penyelaras DUN Lendu Direman Kes Tuntutan Palsu	Sinar Harian	14
14.	14.10.2021	Kerajaan Perlu Bentang Butiran Pembelian Vaksin Guna Dana KWAN	Sinar Harian	15
15.	14.10.2021	Guna Dana Yayasan Bayar RM1.3 J Kad Kredit	Sinar Harian	16
16.	14.10.2021	Lagi Penjawat Awam Direman Bantu Siasat Kes Rasuah	Sinar Harian	16
17.	14.10.2021	Didakwa Tuntut Pembekalan Pasir Sungai Dana Tanah Palsu	Sinar Harian	16
18.	15.10.2021	Guna Kedudukan Beri Kontrak	Harian Metro	17
19.	15.10.2021	Bekas Guru Besar Didakwa Pecah Amanah Wang Sumbangan Zakat	Harian Metro	18
20.	15.10.2021	Ahli Parlimen Labuan Didakwa Guna Kedudukan Dapatkan Kontrak Pekerjaan	Utusan Borneo	19
21.	16.10.2021	Mengaku Guna Dokumen Palsu	Harian Metro	20
22.	21.10.2021	No One Obstructed Arul Kanda From Proceedings, Court Told	The Sun	21
23.	21.10.2021	Arul Kanda Bebas Hadir – Laporan Akhir Audit 1MDB	Harian Metro	22
24.	23.10.2021	Drebar Minta Suap Lebih RM10,000 Direman Lima Hari	Harian Metro	23
25.	29.10.2021	Malaysia Kerugian RM620 Juta – Laporan Audit Tidak Patuh Pengurusan Kewangan	Harian Metro	24

KERATAN AKHBAR BULAN OKTOBER 2021
LAIN-LAIN MEDIA

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MEDIA	MUKA SURAT
26.	29.10.2021	Negara Rugi RM620 Juta – Laporan Audit	Sinar Harian	25
27.	29.10.2021	Tak Patuh Pengurusan Kewangan, Negara Rugi Lebih RM620 Juta	Sinar Harian	26
28.	29.10.2021	Mindef Gagal Kutip Hasil Sewa – LKAN Tahun 2020	Sinar Harian	26
29.	29.10.2021	Terimaan Dividen Petronas Rendah Berbanding 2019 – LKAN Tahun 2020	Sinar Harian	26
30.	29.10.2021	JKDM Disyor Segera Tuntut Duti Kenderaan Import Yang Terkurang – LKAN Tahun 2020	Sinar Harian	26
31.	29.10.2021	RM98 Bilion Untuk Bayar Hutang – LKAN Tahun 2020	Sinar Harian	27
32.	29.10.2021	RM620M Lost Through Non-Compliance With Financial Management – Auditor's General Report Year 2020	The Sun	28

Harian Metro | 1 October 2021 | Page 9

uCustoms tak siap

*SPRM siasat sistem JKDM
telan belanja RM397.43 juta*

Bernama

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan berhubung isu sistem uCustoms bernilai RM397.43 juta dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) kerana gagal disiapkan sejak projek itu bermula pada Oktober 2013.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, beliau mengarahkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya untuk mengetuai siasatan berkenaan.

"Siasatan menjurus kepada sebarang pelanggaran rasuah dan salah guna kuasa," katanya, semalam.

LKAN 2019
Siri 2 yang

dibentangkan di Dewan Rakyat kelmarin mendedahkan sistem uCustoms oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) gagal disiapkan dalam tempoh 86 bulan walaupun lima lanjutan tempoh masa (EOT) diberikan.

Menurut laporan audit itu, sejumlah RM272.99 juta dibayar kepada pembekal dan Pejabat Pengurusan Projek manakala hanya satu Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM55,660 dikenakan.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Wong Kah Woh menggesa

SPRM melakukan siasatan segera terhadap sistem uCustoms yang gagal disiapkan itu, tetapi pembayaran dibuat.

**Sejumlah
RM272.99 juta
dibayar kepada
pembekal**

Harian Metro | 1 October 2021 | Page 25

Najib arah buang isu sensitif

Saksi dakwa beliau diarah tidak masukkan perkara berkenaan Jho Low dalam laporan IMDB

Bernama
Kuala Lumpur

Bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Datuk Seri Najib Razak memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, bekas Perdana Menteri itu mengarahkannya supaya tidak memasukkan isu sensitif membabitkan



SHUKRY hadir di Mahkamah Tinggi untuk perbicaraan Najib berhubung kes pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan dana IMDB. - Gambar: NSTP/SAIFULLEZAN TAMADI

ahli perniagaan dalam buruan Low Tack Jho atau Jho Low dalam laporan audit IMDB Development Berhad (IMDB) agar ia tidak dijadikan 'isu' oleh pembangkang.

Tan Sri Shukry Mohd Salleh, 67, berkata, arahan itu dikeluarkan ketika beliau berjumpa Najib di pejabatnya, dua hari selepas mesyuarat membabitkan laporan audit di pejabat Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Dr Ali Hamsa, pada 24 Februari 2016.

"Pada 26 Februari 2016, saya berjumpa dengan Najib di pejabatnya dan Najib mengarahkan saya lebih kurang begini,

'Shukry, you cakap dekat audit supaya isu sensitif dan tak relevan termasuklah Jho Low dalam IMDB tak dimasukkan dalam laporan. Nanti perkara ini dapat dekat pembangkang, boleh dijadikan isu', katanya.

Shukry yang sudah bersara berkata demikian ketika membacakan pernyataan saksiinya pada perbicaraan kes Najib dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) IMDB Arul Kanda Kandasamy berhubung dakwaan meminda laporan audit akhir IMDB.

Menurut saksi pendakwaan ke-11 itu, beliau kemudian menghubungi Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, yang ketika itu bekas Pengarah Audit di Jabatan Audit Negara (JAN) dan menyampaikan arahan Najib.

Shukry berkata, pada 23 Februari 2016, beliau bersama Tan Sri Ambrin Buang yang ketika itu Ketua Audit Negara berjumpa dengan Ali di pejabatnya dan semasa perjumpaan itu, mereka dimaklumkan oleh Ali satu

mesyuarat akan diadakan pada 24 Februari 2016 dan menjemput wakil-wakil daripada JAN, IMDB, Perbendaharaan dan Jabatan Peguam Negara (AGC).

"Dalam perjumpaan itu, saya memaklumkan kepada Tan Sri Ali dan Tan Sri Ambrin isu IMDB menjadi satu krisis yang perlu ditangani dengan segera. Apa yang saya maksudkan dengan 'krisis yang perlu ditangani dengan segera' ialah isu IMDB sudah menjadi tumpuan semua pihak di dalam dan di luar negara.

"Sebelum berjumpa dengan Tan Sri Ambrin, saya dan Tan Sri Ali ada berjumpa dengan Arul Kanda secara berasingan yang Arul Kanda menerangkan kepada Tan Sri Ali berkaitan isu-isu kewangan IMDB," katanya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Nadia Zulkefli.

Shukry yang menamatkan kontrak sebagai Ketua Setiausaha Sulit Najib pada 30 September 2016 berkata, beliau menghadiri mesyuarat

yang dipengerusikan oleh Ali di pejabatnya pada 24 Februari 2016 dan kehadirannya ke mesyuarat itu mendapat persetujuan daripada Najib.

"Mesyuarat itu turut dihadiri oleh Arul Kanda, wakil JAN iaitu Ambrin dan Saadatul Nafisah, wakil Perbendaharaan iaitu Datuk Seri Mohamad Isa Hussain dan Asri Hamidin@Hamidon, wakil AGC Datuk Dzulkifli Ahmad dan Setiausaha Sulit Kanan kepada Tan Sri Ali, Datuk Norazman Ayob.

"Dalam mesyuarat itu, KSN (Ali) memaklumkan bahawa tujuan mesyuarat diadakan untuk menyelaras beberapa perkara yang Najib tidak berpuas hati yang terdapat dalam laporan audit IMDB," katanya dan menambih mesyuarat itu turut membincangkan mengenai dua versi berbeza penyata kewangan IMDB bagi tahun 2014.

Shukry berkata, beliau ada menyatakan perkara itu boleh mendatangkan impak kepada keyakinan pihak luar

terhadap negara sekiranya sesebuah syarikat besar di bawah kerajaan seperti IMDB boleh dimanipulasi, ia boleh memberi implikasi kepada sentimen pelaburan.

"Dalam mesyuarat itu, KSN mengarahkan Mohamad Isa membuat laporan polis berkenaan dua versi berbeza penyata kewangan IMDB bagi tahun 2014 supaya siasatan dapat dilaksanakan dan hasil daripada mesyuarat itu, Tan Sri Ambrin bersejua untuk mengeluarkan perkara terbabit daripada Laporan Pengauditan IMDB," katanya.

Menurut Shukry, beliau turut membangkitkan isu berkenaan penagguhan terbitan Islamic Medium Term Notes (IMTN) dan Najib juga tidak memaklumkan kepada Jemaah Menteri berkenaan penagguhan tersebut semasa Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohamed Zaini Mazlan bersambung 20 Oktober ini. - Bernama

Sinar Harian | 2 October 2021 | Page 19

Penolong pegawai tanah didakwa

Berdepan enam pertuduhan terima suapan berjumlah RM1,400 daripada seorang ahli perniagaan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seorang penolong pegawai tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Bentong didakwa di Mahkamah Majistret di sini atas enam pertuduhan menerima suapan daripada seorang ahli perniagaan.

Tertuduh, Mohd Faris Romle, 36, bagaimanapun tidak mengaku bersalah selepas kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Nurul Farahah Md Suah.

Berdasarkan enam pertuduhan berkenaan, Mohd Faris didakwa menerima antara RM100 hingga RM400 melalui pemindahan wang secara dalam talian dilakukan ahli perniagaan terbabit bagi tujuan membabitkan tugasannya sebagai penjawat awam di Unit Penguatkuasaan, Pejabat Daerah dan Tanah Bentong.

Jumlah keseluruhan transaksi pindahan wang atas talian diterima tertuduh ialah sebanyak RM1,400.

Perbuatan tersebut dilakukan di sebuah bank di bandar Bentong antara 10 Februari hingga 17 September tahun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah



Mohd Faris tidak mengaku bersalah atas enam pertuduhan menerima suapan daripada seorang ahli perniagaan.

Zainal Abiddin menawarkan ikat jamin RM5,000 bagi semua pertuduhan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya meminta mahkamah memper-

timbang jumlah ikat jamin ditawarkan pihak pendakwaan memandangkan dia hanya memperoleh gaji bersih RM1,500 sebulan, selain menanggung isteri dan dua anak.

Nurul Farahah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 selain menetapkan 1 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan lantikan peguam.

Harian Metro | 2 October 2021 | Page 11



MOHD Faris (kanan) didakwa atas enam pertuduhan menerima suapan daripada seorang wanita pada tahun lalu. - Gambar NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

Penjawat awam tak mengaku terima 6 transaksi suapan

Kuantan: Seorang penolong pegawai pejabat tanah dan daerah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas enam pertuduhan menerima suapan bernilai RM1,400, tahun lalu.

Mohd Faris Romle, 36, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Majistret Nurul Farahah Mohd Suah.

Tertuduh yang berkhidmat di unit penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Daerah Bentong didakwa menerima wang tunai menerusi transaksi *online* daripada Rokiah Haron yang dia sedar mempunyai kaitan dengan tugas

rasminya.

Mohd Faris didakwa menerima enam kali pindahan wang di institusi perbankan di Bentong iaitu RM300 pada 10 Februari 2020, diikuti RM300 pada 17 Februari 2020 dan RM400 pada 6 Mac 2020.

Dia juga didakwa menerima RM100 masing-masing dua kali pada 8 Julai 2020 dan RM200 pada 17 September 2020 dengan semua kesalahan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda jika sabit bersalah.

Terdahulu, Penolong Pendakwa Raya Suruhan-

jaya Pencegahan Rasuah Malaysia Siti Sarah Zainal Abiddin menawarkan jaminan RM5,000 bagi semua tuduhan dihadapi Mohd Faris dan memohon tarikh sebutan semula untuk tertuduh melantik peguam.

Tertuduh merayu diberikan jaminan lebih rendah mengambil kira pendapatan bulannannya hanya RM1,500 dan perlu menyara isteri, dua anak dan ibu bapa.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 1 November depan untuk sebutan semula kes di Mahkamah Sesyen.

Harian Metro | 2 October 2021 | Page 11

RASUAH LULUS PINJAMAN PERIBADI

Dua kakitangan bank didakwa terima upah RM59,250

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Dua kakitangan sebuah bank didakwa di Mahkamah Sesiyen di sini semalam atas tuduhan menerima rasuah berjumlah RM59,250 bagi membantu proses permohonan pembiayaan peribadi beberapa individu pada 2019.

Tertuduh, Ahmad Salahudin Abu Bakar, 42, dan Yusni Yusof, 45 masing-masing didakwa dengan lima pertuduhan utama serta lima pertuduhan pilihan mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rihaida Rafie.

Mengikut lima kertas pertuduhan utama, Ahmad Salahudin iaitu Ketua Unit Pembiayaan bank berkenaan didakwa menerima wang berjumlah keseluruhan RM31,100 manakala Yusni iaitu kerani tingkatan khas unit pembiayaan menerima RM28,150 secara berperingkat daripada seorang lelaki berusia 28 tahun.

Ahmad Salahudin didakwa menerima wang melalui akaun bank syarikat miliknya manakala Yusni menerusi akaun persendirian sebagai dorongan kedua tertuduh membantu dalam proses permohonan pem-

biayaan peribadi enam individu berusia 27 hingga 41 tahun.

Justeru, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kedua-dua tertuduh juga masing-masing didakwa lima pertuduhan pilihan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di dua bank di Kajang dan Seri Kembangan antara 6 September hingga 1 November 2019.

Kedua-dua tertuduh yang

sebelum ini bekerja di sebuah cawangan bank di Presint 15, Putrajaya sudah digantung tugas.

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan

Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Noryusriza Zul-kifli manakala kedua tertuduh diwakili peguam, Muhammad Shafiq Shamsuddin.

Pendakwaan menawarkan jaminan berjumlah RM20,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin serta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah; tertuduh perlu melaporkan diri setiap bulan di Pejabat SPRM terdekat serta dilarang mengganggu saksi kes.

Mahkamah kemudian menetapkan Ahmad Salahudin dijamin dengan RM15,000 manakala Yusni RM13,000 beserta syarat tambahan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes bagi kedua-dua tertuduh ditetapkan pada 16 November depan.



AHMAD Salahudin (kiri) dan Yusni di mahkamah, semalam. Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

The Edge CEO Morning Brief | 5 October | Page 16

Rosmah to take witness stand today in solar project graft trial involving RM1.25 bil

PUTRAJAYA (Oct 5): Datin Seri Rosmah Mansor will today testify in her defence over three graft charges she is facing in relation to the RM1.25 billion solar hybrid project for 369 rural schools in Sarawak at the High Court.

This follows the dismissal by the Court of Appeal (CoA) on Monday of her application for a stay of proceedings, pending her appeal against the High Court's decision not to declare the trial a nullity after it found the appointment of Datuk Seri Gopal Sri Ram as a senior deputy public prosecutor (DPP) was in order.

Justice Datuk Wira Kamaludin Md Said, who led the three-member CoA bench that dismissed her application, ruled that her testimony will not prejudice her and should continue at the High Court.

The bench also ordered the hearing of her appeal at the appellate court to be expedited.

The judge said it is up to the parties to show that there are exceptional or unusual circumstances for the court to grant a stay.

"This bench is, however, bound by the principle of stare decisis (to stand by things that have been decided) in the Datuk Seri Najib Razak case, where a nullity is not considered a special circumstance for a stay.

"Hence, the proceedings at the lower court should continue while we direct that the hearing of her appeal be expedited. This follows that the applicant's counsel had argued that this is a unique case," Justice Kamaludin said.

The other two members of the CoA bench were Justices Datuk Nordin Hassan and Datuk Hashim Hamzah.

With this, the hearing of Rosmah's defence, for which she has chosen to testify from the witness stand, will begin today and is scheduled to last three days to end on Thursday.

Earlier, the three-member bench dismissed a preliminary objection made by the prosecution led by Sri Ram over the stay application, and proceeded to hear the applications put forward by her counsels Datuk Jagjit Singh and Datuk Akberdin Abdul Kader.

However, after hearing their submissions, the bench delivered its decision at 4:05pm to dismiss Rosmah's stay application.

BY HAFIZ YATIM
theedgemarkets.com



Three graft charges and challenge of Sri Ram's appointment

Last Feb 18, Justice Mohamed Zaini Mazlan ordered Rosmah, 69, to enter her defence when he ruled that the prosecution had proven a prima facie case against her following the testimony of 23 prosecution witnesses.

The wife of former prime minister Datuk Seri Najib Razak was charged with soliciting a RM187.5 million bribe out of the RM1.25 billion project that was awarded to then Jepak Holdings Sdn Bhd from the latter's managing director Saidi Abang Samudin between January and April 2016, through her aide Datuk Rizal Mansor.

She also faces two charges of receiving a total of RM6.5 million — RM1.5 million and RM5 million, respectively — from Saidi between Dec 20, 2016 and Sept 7, 2017 at her official residence in Seri Perdana, Putrajaya and her private residence in Jalan Langgak Duta here.

Despite having been called to enter her defence in February, Rosmah's appeal for Sri Ram to produce his fiat was heard by the appellate court where the bench led by CoA's Justice Datuk Suraya Othman directed the prosecution to produce the letter of appointment for the former Federal Court judge.

After the fiat was provided to the defence, Rosmah applied to formally declare the trial a nullity as Sri Ram's appointment fiat was made on Aug 19, 2020 by Attorney-General (A-G) Tan Sri Idrus Harun, when Sri Ram already led the prosecution when Rosmah was first charged in November 2018.

However, former A-G Tan Sri Tommy Thomas affirmed an affidavit saying he had verbally issued a directive to appoint Sri Ram as a senior DPP to prosecute Rosmah earlier. Idrus also signed another letter of appointment to Sri Ram dated July 12 this year, but backdated the appointment to May 21, 2021.

Justice Zaini, in his decision last week, ruled that Sri Ram's appointment as a senior DPP by Thomas was validly done under Section 376(3) of the Criminal Procedure Code (CPC).

Section 376(3) refers to the power of the A-G to appoint fit and proper persons to be DPPs and who may be designated as senior DPPs.

"I therefore see no necessity to address the validity of the first written fiat of Datuk Seri Gopal Sri Ram's appointment under it, which is the essence of the applicant's application. This has become a moot point as I found Datuk Seri Gopal Sri Ram's appointment by Tan Sri Tommy Thomas under Section 376(3) CPC to be valid.

"In my view, there is no necessity for the first nor the second written fiat to be issued. It follows that the applicant's application for declarations, among others, that the validity of the first written fiat of Datuk Seri Gopal Sri Ram's appointment as a senior DPP and for the trial to be declared a nullity must fail," Justice Zaini said as he read out his ruling.

On Monday, after the appellate court dismissed the prosecution's preliminary objection, both Jagjit and Akberdin argued that the stay should be granted as they claimed there were serious questions concerning Sri Ram's fiat in prosecuting their client.

However, Sri Ram pointed out that in Najib's case, the Federal Court had ruled that a nullity is not considered a special circumstance.

Read also: Rosmah asks lawyers to appeal to Federal Court after bid to stay graft trial dismissed [Click here](#)

HARIAN METRO | 09 OKT 2021 | MS 18

DAKWAAN BOLOT PROJEK, ROYALTI PASIR MELAKA **TENGAH MALAM** **PUN BOLEH JUMPA**

Oleh Hassan Omar
am@hmetro.com.my

Melaka

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Udang Datuk Seri Idris Haron dan Adun Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan bersedia bertemu pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pembohotan projek ekonomi dan menipu Kerajaan Persekutuan berkaitan royalti pasir laut. Mereka bersedia meny-

lurkan maklumat mengenai dakwaan itu bagi membuktikan ada pihak tertentu dipercayai terbabit dalam penyelewengan menambak laut di pantai negeri ini.

Idris berkata, beliau tiada masalah berbuat demikian jika dikunjungi pegawai SPRM kerana mendakwa mempunyai bukti membolehkan SPRM menjalankan siasatan.

"Saya bersedia pada bila-bila masa, tengah malam pun saya boleh jumpa pegawai SPRM kalau mereka ingin berjumpa saya di Melaka.

"Jangan ingat saya cakap suka-suka atau cakap

kosong saja fasal korek pasir laut," katanya ketika dihubungi, semalam.

Media semalam melaporkan SPRM akan bertemu Idris bagi mendapatkan butiran berhubung dakwaan itu.

Sementara itu, Nor Azman berkata, beliau dan Idris bertindak menarik balik sokongan kepada bekas Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali Isnin lalu kerana tidak mahu bersekongkol dengan pihak dipercayai terbabit dalam penyelewengan royalti pasir.

"Kami buat ini bukan kerana tidak dapat projek korek pasir atau seumpamanya, kami

tidak ada kepentingan peribadi.

"Sebaliknya kami tidak sanggup melihat perkara itu berleluasa hingga mengancam masa depan anak cucu kita," katanya.

Beliau mendakwa, ada pihak tertentu memusnahkan fail berkaitan projek mengorek pasir bagi mengelak penyelewengan dikesan pihak berkuasa.

Bagaimanapun, beliau yakin masih ada bukti boleh diperoleh pegawai SPRM jika melakukan siasatan menyeluruh berkaitan dakwaan itu.



IDRIS



NOR Azman

Harian Metro | 13 October 2021 | Page 5



DUA kakitangan sebuah agensi kerajaan direman empat hari.

MINTA, TERIMA WANG SUAPAN

Dua kakitangan agensi kerajaan direman

Shah Alam: Dua kakitangan sebuah agensi kerajaan direman empat hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima wang suapan daripada pemilik sebuah syarikat swasta sebagai balasan mendapatkan kontrak bernilai lebih RM180,000.

Perintah reman sehingga 15 Oktober terhadap dua individu termasuk seorang wanita itu dikeluarkan Majistret Mohamed Redza Azhar Rezali selepas permohonan dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Terdahulu, kedua-dua suspek berusia 37 dan 40 tahun itu tiba di pekarangan mahkamah sekitar jam 9.30 pagi diiringi pegawai SPRM.

Kelmarin, media melaporkan SPRM menahan dua kakitangan sebuah agensi kerajaan kerana disyaki meminta dan menerima wang suapan daripada pemilik sebuah syarikat swasta sebagai balasan mendapatkan kontrak bernilai lebih RM180,000.

Menurut sumber, kedua-dua suspek itu ditahan sekitar 2.30 petang kelmarin, di sebuah restoran di Putrajaya.

Sumber berkata, kedua-duanya disyaki meminta wang suapan kira-kira RM20,000 sebagai balasan untuk syarikat itu mendapatkan kontrak membekal, menghantar serta memasang kelengkapan dan peralatan pejabat yang dianggarkan bernilai lebih RM180,000 daripada agensi berkenaan.

Kosmo | 14 October 2021 | Page 9



BEKAS penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat DUN Lendu direman bantu siasatan tuntutan palsu di Mahkamah Majistret Melaka semalam.

Bekas penyelaras DUN Lendu disyaki seleweng RM100,000

MELAKA – Bekas penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu direman enam hari bermula semalam selepas dipercayai membuat tuntutan palsu berjumlah hampir RM100,000.

Perintah reman sehingga Isnin depan itu dikeluarkan Majistret Azureen Sahira Sauffee Afandi terhadap suspek berusia 37 tahun bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Menurut jurucakap SPRM,

suspek ditahan kira-kira pukul 6 petang kelmarin berhubung tuntutan palsu berkaitan program-program yang dilaksanakan di kawasan DUN Lendu berjumlah keseluruhan RM97,868.

Suspek dipercayai telah mengemukakan kertas kerja kepada Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG) bagi tujuan pelaksanaan lapan program, namun aktiviti tersebut tidak pernah dilaksanakannya sepanjang Mac 2019 sehingga Februari 2020.

Harian Metro | 14 October 2021 | Page 20

SPRM datang 'jemput' di rumah

Wanita direman kes tuntutan palsu program Penjana Kerjaya 1.0

Oleh Zaid Salim
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Wanita berusia 36 tahun ditahan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas kesalahan membuat tuntutan palsu berjumlah RM308,000 pada Disember tahun lalu.

Wanita terabit yang juga pemilik sebuah syarikat

RM308K
Nilai tuntutan palsu didakwa dikemukakan oleh tertuduh

ditahan reman selama enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan atas dakwaan mengemukakan permohonan bantuan insentif program Penjana Kerjaya 1.0.

Perintah reman terhadap wanita terabit dikeluarkan

kan Majistret Noor Mazrinie Mahmood di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Berdasarkan fakta kes suspek disyaki mengemukakan tuntutan palsu bagi permohonan bantuan insentif program Penjana Kerjaya 1.0 itu pada Disem-

ber tahun lalu.

Sumber memberitahu, wanita terabit ditahan di rumahnya jam 12.45 tengah hari, kelmarin sebelum dibawa ke Pejabat SPRM Terengganu, di sini. "Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009," katanya.

Program Penjana Kerjaya adalah inisiatif kerajaan merangsang permintaan pekerjaan untuk majikan selain meningkatkan peluang pekerjaan bagi pencari kerja tempatan.



WANITA berusia 36 tahun (kiri) yang juga pemilik sebuah syarikat persendirian direman enam hari bagi membantu siasatan berkaitan permohonan palsu bantuan insentif Penjana Kerjaya 1.0.

Harian Metro | 14 October 2021 | Page 12

Oleh Muhammad
Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Terima suapan RM5,800 namun akhirnya dipenjarakan sehari selain didenda RM8,000.

Itu yang berlaku terhadap seorang penyelia asrama sebuah sekolah agama yang dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dakwaan menerima suapan berhubung tuntutan pembekalan makanan di sekolah, empat tahun lalu.

Tertuduh, Muhamad Rozi Ahmad Puad, 36, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim S Indra Nehru berdasarkan pertuduhan pilihan yang dikenakan ke atasnya iaitu mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Berdasarkan pertuduhan pilihan itu, dia yang ketika kejadian bertugas sebagai penjawat awam iaitu penyelia asrama di Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-Ulum al-Syar'iyah di Ba-



MUHAMAD Rozi (tengah) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Ipoh selepas dihukum penjara sehari dan denda RM8,000 susulan pengakuan salah menerima suapan pada Julai 2017. - Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI

gan Datuk, secara rasuah menerima suatu benda berharga daripada Ahmad Tarmizi Hariff untuk diri sen-

diri iaitu wang tunai RM5,800 melalui kemasukan ke akaun Maybank milik tertuduh.

Suapan itu sebagai upah untuk tertuduh melakukan suatu perkara iaitu tidak membuat sebarang pemoto-

ngan terhadap tuntutan kontraktor perkhidmatan bekalan makanan masak bermasak secara Islam pada

bulan Julai 2017 yang mana kesalahan itu dilakukan di sekolah berkenaan pada 31 Julai 2017.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak lebih dua tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Terdahulu, pertuduhan turut dibacakan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 iaitu menerima suapan sebagai upah untuk tidak membuat sebarang pemotongan terhadap tuntutan kontraktor perkhidmatan bekalan makanan pada tarikh, waktu dan di lokasi sama sebagaimana pertuduhan pilihan terbabit.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maziyah Mansor dengan tertuduh tidak diwakili peguam.

Indra Nehru turut menetapkan tertuduh dihukum penjara lapan bulan jika gagal membayar denda itu.

SINAR HARIAN • KHAMIS 14 OKTOBER 2021

RASUAH
BUSTERS



Kegiatan penerokaan hutan secara haram menyebabkan kerugian kepada negara

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM



Rugi RM19.2 juta sehektar



JPNS melaksanakan operasi bersepadu Ops Langat pada Julai lalu di kawasan hutan simpan kekal yang diceroboh untuk dijadikan kawasan ladang kelapa sawit.



Sebuah rumah yang didirikan di kawasan hutan simpan Bukit Lagong dirobohkan menerusi Operasi Bersepadu Ops Langat pada 28 September lalu.

Kerugian akibat penerokaan dan pencerobahan hutan simpan kekal di Selangor bernilai RM19.2 juta sehektar.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid berkata, berdasarkan kajian yang dijalankan di Hutan Simpan Bukit Sungai Seputeh,

Oleh itu, kerugian akibat penerokaan atau pencerobahan hutan simpan kekal boleh dianggarkan sekitar RM19.2 juta sehektar."

AHMAD FADZIL

Kuala Lumpur oleh pihak Universiti Putra Malaysia Consultancy & Services Sdn Bhd pada tahun 2015, nilai ekonomi hutan adalah berjumlah RM19,188,747 sehektar.

"Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira 22 kategori perkhidmatan ekosistem yang diperkenalkan oleh *The Economic of Ecosystems and Biodiversity* (TEEB).

"Oleh itu, kerugian akibat penerokaan atau pencerobahan hutan simpan kekal boleh dianggarkan sekitar RM19.2 juta sehektar," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Ahmad Fadzil berkata, kajian dijalankan di Hutan Simpan Sungai Seputeh itu boleh dijadikan rujukan asas nilai hutan.

Tambahnya, ia kerana kajian ini mengambil kira kesemua 22 kategori perkhidmatan ekosistem dalam hutan simpan kekal.

Pada Selasa, *Sinar Harian* menerusi laporan eksklusifnya mendedahkan keluasan hutan simpan kekal di Selangor yang ada dianggarkan kira-kira 253,000 hektar yang digazetkan di bawah Akta Perhutanan Negara.

Laporan *Sinar Harian* pada Selasa lalu.

Kata beliau, warta yang ada di dalam Negeri Selangor ini telah bermula sejak tahun 1920 dan itu rekod terawal berkenaan pewartan hutan simpanan kekal dan sehingga kini baki yang ada merangkumi 31 peratus daripada keluasan tanah di Selangor.

Dalam pada itu Ahmad Fadzil memaklumkan, kawasan seperti di Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan dan Hutan Simpan Bukit Lagong antara lokasi panas yang sering diceroboh.

Justeru, beliau mengingatkan kepada mana-mana pihak atau individu yang melakukan pencerobahan dan menawarkan imbuhan kepada pegawai dan kakitangan JPNS khususnya akan diambil tindakan agar perkara ini dapat dikekang dan tidak merebak.



Bekas penyelaras DUN Lendu direman kes tuntutan palsu

MELAKA - Seorang bekas penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu direman selama enam hari bermula Rabu bagi membantu siasatan berkaitan kes melakukan tuntutan palsu hampir RM100,000.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Mahkamah Melaka, Azureen Sahira Sauffee Afandi terhadap suspek berusia 37 tahun untuk siasatan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Suspek yang juga bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri

Melaka (PKNM) tiba di perarangan mahkamah kira-kira jam 8.40 pagi.

Jurucakap SPRM berkata, suspek ditahan kira-kira jam 6 petang pada Selasa di Pejabat SPRM Melaka selepas disyaki telah membuat tuntutan palsu berkaitan program yang dilaksanakan di kawasan DUN Lendu yang keseluruhannya berjumlah RM97,868.

Suspek dipercayai mengemukakan kertas kerja kepada Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah bagi tujuan pelaksanaan lapan program namun aktiviti tersebut tidak pernah di-

laksanakannya sepanjang Mac sehingga Februari 2020 sebelum pentadbiran kerajaan negeri bertukar kepada pimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun atau denda lima kali butir matan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pengarah SPRM Negeri, Mohd Shahril Che Saad ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman tersebut dan siasatan lanjut sedang dijalankan.



Suspek berusia 37 tahun direman selama enam hari.

SIHAR HARIAN/14 OKTOBER 2021/M.S:8

Kerajaan perlu bentang butiran pembelian vaksin guna dana KWAN

SHAH ALAM - Kerajaan digesa bersikap lebih terbuka dan telus dengan membentangkan butiran perbelanjaan pembelian vaksin yang menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) kepada umum.

Ahli Parlimen Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, pembentangan perbelanjaan pembelian vaksin itu sebagaimana yang ditegaskan oleh Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu supaya tidak berlaku penyelewengan, ketirisan dan pembaziran



NIK NAZMI

dalam kerajaan mendapatkan bekalan vaksin.

"Namun, sehingga kini tiada apa-apa maklumat terperinci untuk disemak mengenai perkara ini, walhal ia berkaitan status kewangan awam.

"Justeru, kerajaan perlu bersikap terbuka, bertanggungjawab dan telus dengan membentangkan butiran perbelanjaan pembelian vaksin kepada pengetahuan umum.

"Rakyat harus mengetahui ke mana setiap aliran dana KWAN ini digunakan.

Adakah ia dimanfaatkan sepenuhnya atau adakah terdapat ketirisan di sebalik pengeluaranannya," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau pada Rabu.

Pada 21 April lalu, kerajaan Perikatan Nasional ketika itu telah mewartakan Ordinan Darurat (Kumpulan Wang Amanah Negara) (Pindaan) 2021 (KWAN) yang membolehkan kerajaan menggunakan dana kumpulan wang itu untuk perolehan vaksin dan perbelanjaan berkaitan program imunisasi kebangsaan.

Mengikut Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, dana itu dibayar melalui Kumpulan Wang Disatukan dan Petronas.



Guna dana yayasan bayar RM1.3j kad kredit

Ahmad Zahid dan isteri didakwa guna dana Yayasan Akalbudi langkai perbelanjaan gedung mewah

KUALA LUMPUR

Mahkamah Tinggi di sini pada Rabu diberitahu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggunakan dana Yayasan Akalbudi untuk membayar bil kad kreditnya lebih RM1.3 juta yang digunakan untuk membeli-belah di gedung mewah seperti Giorgio Armani, Louis Vuitton dan Hermes.

Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Raja Rozela Raja Toran berkata, Ahmad Zahid dan isteri, Datin Sri Hamidah Khamis membelanjakan lebih RM1.3 juta untuk membeli-belah dalam tempoh dua tahun.

Beliau berkata, penggunaan kad kredit secara meluas bagi pembelian di gedung membeli-belah mewah di seluruh dunia dan dalam negara itu boleh dilihat melalui penyata bulanan kad kredit.

"Walaupun diakui, tabiat berbelanja tertuduh dan isterinya mungkin tidak menjadi masalah



Ahmad Zahid menghadiri prosiding hujahan di akhir kes pendakwaan bagi kesnya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Rabu.

dalam kes ini, seseorang akan bertanya-tanya sama ada mereka memikirkan golongan miskin di Malaysia ketika mereka membeli-belah seperti di Giorgio Armani, Louis Vuitton atau Hermes," katanya.

Raja Rozela berhujah demikian di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah pada akhir kes pendakwaan terhadap Ahmad Zahid.

Raja Rozela berkata, saksi pendakwaan ke-10, Yeoh Eng Leong yang juga Naib Presiden Kanan AmBank mengesahkan, jumlah pembayaran diterima bank daripada Januari 2014 hingga Januari 2016 adalah RM1,296,715.98.

"Saksi pendakwaan kesembilan, Anoop Singh Gulzara Singh, Naib Presiden Maybank

SKANDAL DANA YAYASAN AKALBUDI

(Pengurusan Penipuan dan Pertikaian Kad Kredit), mengesahkan penerimaan enam pembayaran berjumlah RM30,771.19 (antara Februari dan Oktober 2014), satu pembayaran pada Mac 2015 pada RM3,914.84, dan satu lagi pada Julai 2015 sebanyak RM30,635.80," katanya.

Ahmad Zahid juga didakwa telah menggunakan wang Yayasan Akalbudi untuk membayar cukai jalan dan insurans 20 kenderaannya dan tiga yang lain, isterinya, BZ Motors dan Juhari Jaman, antara Januari dan September 2015.

Ahmad Zahid, 68, berdepan 47 pertuduhan melibatkan 12 pertuduhan CBT, lapan kes rasuah dan 27 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan puluhan juta ringgit milik Yayasan Akalbudi.

Perbicaraan bersambung pada Khamis. - *Bernama*

Lagi penjawat awam direman bantu siasat kes rasuah

SHAH ALAM - Seorang lagi penjawat awam direman tiga hari bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima wang suapan daripada penilik sebuah syarikat swasta sebagai balasan mendapatkan kontrak bernilai lebih RM180,000.

Perintah reman bermula Rabu sehingga Jumaat terhadap lelaki berusia 57 tahun itu dikeluarkan Majistret Fatina Amyra Abdul Jalil selepas permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Shah Alam di sini pada Rabu.

Pada Selasa, media melaporkan dua kakitangan agensi yang sama direman empat hari sehingga Jumaat ini bagi membantu siasatan kes tersebut.

Kedua-dua suspek berusia 37 dan 40 tahun itu disyaki meminta wang suapan kira-kira RM20,000 sebagai balasan untuk syarikat tersebut mendapatkan kontrak membekal, menghantar serta memasang kelengkapan dan peralatan pejabat bernilai lebih RM180,000 daripada agensi berkenaan.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Didakwa tuntutan pembekalan pasir sungai dan tanah palsu



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret di sini untuk permohonan reman.

SHAH ALAM - Seorang penolong pegawai sebuah agensi perladangan direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes tuntutan palsu berjumlah lebih RM15,000.

Reman suspek berusia 41 tahun itu dikeluarkan Majistret Fatina Amyra Abdul Jalil di Mahkamah Majistret di sini pada Rabu selepas membenarkan permohonan reman daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek ditahan kira-kira

jam 4 petang pada Selasa di pejabat SPRM Selangor ketika hadir memberikan keterangan.

Suspek disyaki bersubahat dengan seorang pemilik syarikat bagi mengemukakan tuntutan palsu berhubung kerja pembekalan pasir sungai dan tanah kepada agensi perladangan itu, sedangkan kerja berkenaan tidak dilaksanakan.

Kegiatan didakwa berlaku pada tahun 2018 ketika suspek bertugas sebagai pengurus perniagaan agensi sama di Klang.

Harian Metro | 15 October 2021 | Page 2,3

GUNA KEDUDUKAN BERI KONTRAK

**Ahli Parlimen Labuan tidak mengaku
bersalah atas pertuduhan 'bantu'
syarikat bapa, adik ada kepentingan**

Oleh Raja Neraina
Raja Rahim
rneraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi di sini semalam atas tuduhan mendapatkan suapan kontrak pekerjaan bagi syarikat Liberty Port Management Sdn Bhd, tiga tahun lalu.

Rozman, 57, yang juga Ketua Whip Warisan membuat pengakuan berkenaan sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Rozina Ayob. Mengikut kertas pertu-

duhan, Rozman sebagai pegawai badan awam iaitu Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Labuan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan iaitu kontrak pekerjaan sebagai operator Dermaga Merdeka Pelabuhan Labuan.

Kontrak itu untuk Liberty Port Management di mana bapa dan adiknya mempunyai kepentingan dalam syarikat berkenaan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat TKSU, Aras 9, Kementerian Pengangkutan, Jalan Tun Hussein, Presint 4, Putrajaya, antara jam 2:30 dan 5:30 petang pada 21

Mac 2018.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun

dan denda lima kali ganda suapan atau RM10,000 atau mana lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Akram Gharib menawarkan jaminan RM100,000

terhadap tertuduh dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Muhammad Rafique Rashid Ali yang mewakili Rozman tidak membantah jumlah jaminan itu.



ROZMAN (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesi Kuala Lumpur, semalam atas pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan kontrak pekerjaan bagi syarikat Liberty Port Management Sdn Bhd tiga tahun lepas.

**Timbalan
Pendakwa Raya
menawarkan jaminan
RM100,000 terhadap
tertuduh**

Harian Metro | 15 October 2021 | Page 2,3



MOHAMED Nor Azmi (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi Shah Alam, semalam atas tiga pertuduhan melakukan pecah amanah jenayah wang sumbangan zakat berjumlah RM75,000, dua tahun lalu.

Bekas guru besar didakwa pecah amanah wang sumbangan zakat

Shah Alam: Seorang bekas guru besar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesi Shah Alam, semalam atas tiga pertuduhan melakukan pecah amanah jenayah wang sumbangan zakat berjumlah RM75,000, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohamed Nor Azmi Darni, 54, membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Mengikut kesemua kertas pertuduhan itu, Mohamed Nor Azmi yang ketika itu bertugas sebagai guru besar di sebuah sekolah rendah di Sungai Buloh didakwa melakukan pecah amanah jenayah iaitu dengan curangnya menyalahgunakan wang sumbangan zakat dari sebuah syarikat korporat un-

INFO

Mohamed Nor Azmi didakwa menyalahgunakan wang sumbangan masing-masing berjumlah RM5,000, RM40,000 dan RM30,000 untuk kegunaan dirinya sendiri dan tidak mengagihkannya kepada murid asnaf sekolah.

tuk murid asnaf sekolah itu bagi program Pemberian Sumbangan Hari Raya 2019.

Dia didakwa menyalahgunakan wang sumbangan masing-masing berjumlah RM5,000, RM40,000 dan

RM30,000 untuk kegunaan dirinya sendiri dan tidak mengagihkannya kepada murid asnaf sekolah berkenaan.

Istisna, dia boleh dihukum mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta denda, jika sabit kesalahan.

Mohamed Nor Azmi yang kini bertugas di Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) didakwa melakukan perbuatan itu di cawangan sebuah bank di Saujana Utama, Sungai Buloh pada 17 dan 19 Jun 2019.

Pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Norysriza Zulkifli mena-

UTUSAN BORNEO | 15 OKT 21 | PAGE 1

Ahli Parlimen Labuan didakwa guna kedudukan dapatkan kontrak pekerjaan

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan kontrak pekerjaan bagi Syarikat Labuan Liberty Port Management Sdn Bhd, tiga tahun lepas.

Rozman, 57, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan, Rozman didakwa sebagai seorang pegawai badan awam iaitu Timbalan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Labuan, telah menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan suapan iaitu kontrak pekerjaan sebagai operator Dermaga Merdeka Pelabuhan Labuan bagi Syarikat Labuan Liberty Port Management Sdn Bhd yang bapa dan adik lelaki tertuduh mempunyai kepentingan dalam syarikat tersebut.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat TKSU, Aras 9, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Jalan Tun Hussein, Presint 4, Putrajaya, antara 2.30 petang dan 5.30 petang, 21 Mac 2018.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 23(1) Akta



HADIR: Rozman Isli (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk mendapatkan kontrak pekerjaan bagi Syarikat Labuan Liberty Port Management Sdn Bhd, tiga tahun lepas. — Gambar Bernama

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan tersebut dapat

dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 atau mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sebaik sahaja pertuduhan dibacakan, Rozman yang memakai sut biru gelap berkata: "Saya sama sekali tidak bersalah dan minta dibicarakan".

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya

Ahmad Akram Gharib memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihak pendakwaan dan pembelaan yang diwakili peguam Muhammad Rafique Rashid Ali telah bersetuju jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin diberikan kepada Rozman.

Ahmad Akram turut memohon supaya pasport Rozman diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Muhammad Rafique, yang mewakili Rozman mengesahkan jumlah jaminan yang telah dipersetujui.

Rozina kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan pasportnya diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Ketika membenarkan tertuduh diikat jamin, Rozina berkata jika boleh penjamin berkenaan adalah individu yang tinggal di Semenanjung.

"Kita tidak mahu sekiranya berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sana (Labuan) atau apa sahaja, ia menjadi kesukaran...jadi, mahkamah mahu penjamin yang tinggal di Kuala Lumpur atau Selangor," kata Rozina.

Mahkamah menetapkan 19 Nov ini untuk sebutan semula kes. — Bernama

Harian Metro | 16 October 2021 | Page 3

MENGAKU GUNA DOKUMEN PALSU

Bekas Timbalan Pengarah Imigresen didenda RM5,000

Oleh Ahmad Hashi
am@hmetro.com.my

Seremban

Bekas Timbalan Pengarah (Pengurusan) Jabatan Imigresen Negeri Sembilan dijatuhi hukuman denda RM5,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu berkaitan nota penerimaan bekalan dan perkhidmatan bagi jabatan berkenaan, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Nurshima Mislan, 45, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibiarkan di hadapan Hakim Mahkamah Harullah.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjarakan lima bulan sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Tertuduh membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, Nurshima yang bertugas di jabatan itu sejak 2018 didakwa dengan curangnya menggunakan suatu dokumen sebagai tulin iaitu Nota Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan bernombor dokumen FN18000000790023 yang mana tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dokumen berkenaan adalah palsu.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Jabatan Imigresen Negeri Sembilan pada 2018.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksamaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Azriff Pirdaus Mohamad Ali manakala tertuduh diwakili peguam, Muhammad Syafiq Stewart Abdullah dan Datuk Abu Bakar Isa Ramat.

Terdahulu, pada prosiding itu, Muhammad Syafiq Stewart

memohon hukuman minimum dikenakan ke atas anak guamnya atas alasan kesalahan berkenaan adalah pertama kali dilakukan tertuduh.

"Tertuduh juga mempunyai empat anak yang masih belajar selain dia juga menghidap penyakit Supraventricular Tachycardia (SVT) yang mana degupan jantung akan berhenti pada bila-bila masa sekiranya tidak mendapat rawatan segera.

"Tertuduh juga menghadapi pelbagai tekanan disebabkan kes ini," katanya.

"Tertuduh juga menghadapi pelbagai tekanan disebabkan kes ini"
Muhammad Syafiq



NURSHIMA didakwa melakukan kesalahan di Pejabat Jabatan Imigresen Negeri Sembilan pada 2018.

The Sun | 21 October | Page 5

No one obstructed Arul Kanda from proceedings, court told

KUALA LUMPUR: The High Court here was told yesterday that no one had prevented former 1Malaysia Development Bhd (1MDB) chief executive officer Arul Kanda Kandasamy from attending the Public Accounts Committee (PAC) proceedings to explain the company's final audit report.

Former National Audit Department (NAD) director Saadatul Nafisah Bashir Ahmad, 65, said this during examination-in-chief by lead prosecutor Datuk Seri Gopal Sri Ram in the trial of former prime minister Datuk Seri Najib Abdul Razak and Arul Kanda for alleged tampering of the 1MDB final audit report.

Sri Ram: To your knowledge, did you or anyone prevent or obstruct Arul Kanda from attending the PAC

meeting to offer his explanation?

Saadatul Nafisah: No.

Sri Ram: So, you did nothing to prevent him?

Saadatul Nafisah: Yes.

However, she said Arul Kanda attended the meeting on Feb 25, 2016, which was a day after a meeting was held during which top government officials agreed to amend the original 1MDB audit report.

"He came with the report to request for amendment," said the seventh prosecution witness, adding that the events that took place on Feb 24 and 25, 2016 were never discussed in the PAC meeting.

To another question, Saadatul Nafisah, who described 1MDB's audit report as a special report, said the

audit report on the Kuala Lumpur International Airport 2 (klia2) project was also special. She said the audit reports were considered investigative in nature.

"This is because unlike normal audits initiated by NAD, the special audit report is sought by either the Cabinet or PAC, and the auditors are empowered to not only seek information from the auditee but also from other parties," she added.

Sri Ram: You described this (1MDB) as a special audit. Is this the first time you (NAD) have done this?

Saadatul Nafisah: No. We have done a few times before this. There was one requested by the Cabinet on the klia2 project.

She said the audit on the klia2 project was done when Najib was the

prime minister, but he (Najib) did not ask for a copy of the report nor for any changes to be made to the report.

Najib, 68, is charged with using his position to order amendments to the 1MDB final audit report before it was presented to the PAC to avoid any action being taken against him, while Arul Kanda, 45, is charged with abetting Najib in making the amendments to the report.

Both are charged under Section 23(1) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, which provides a jail term of up to 20 years and a fine of not less than five times the amount of gratification, or RM10,000, whichever is higher.

The trial before Justice Mohamed Zaini Mazlan continues on Nov 29. - Bernama

HARIAN METRO | 21OCTOBER | PAGE 9



ARUL Kanda
di Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur,
semalam.

Arul Kanda bebas hadir

Oleh Ahmad Johari
Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur

Bekas Ketua Pegawai Eksekutif iMalaysia Development Berhad (iMDB), Arul Kanda Kandasamy tidak pernah dihalang daripada hadir pada Prosiding Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) untuk memberikan penjelasan berhubung Laporan Akhir Audit iMDB.

Bekas Pengarah Jabatan Audit Negara (JAN), Saadatul Nafisah Bashir Ahmad berkata, sepanjang pengetahuannya, beliau atau mana-mana pihak lain tidak pernah menghalang Arul Kanda daripada berbuat demikian.

Saksi pendakwaan ketujuh itu berkata

Tidak dihalang hadir prosiding PAC untuk beri penjelasan Laporan Akhir Audit iMDB

demikian ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Seri Gopal Sri Ram pada sesi pemeriksaan semula di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

Saadatul Nafisah berkata, pada mesyuarat 25 Februari 2016 bagi membincangkan mengenai Laporan Akhir Audit iMDB, Arul Kanda hadir ketika mesyuarat berkenaan dengan membawa laporan terbabit dan meminta supaya ia dipinda.

Beliau berkata, bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang tidak hadir pada mesyuarat itu.

Menurut saksi, laporan audit terbabit adalah dikira sebagai laporan audit khas.

Katanya, sepanjang pengalamannya dalam kes membabitkan laporan audit khas, pihak yang diaudit tidak pernah diberikan salinan laporan terbabit.

"Dalam laporan audit khas, ia biasanya diberikan kepada pihak yang mahu mendapatkan laporan berkenaan."

"Selepas dibentang di Kabinet, barulah laporan itu diberikan," katanya.

Sementara itu, Saadatul Nafisah menjelaskan bahawa laporan audit khas iMDB dan laporan audit khas projek KLIA2 disifatkan sebagai berbentuk sia-satan.

Beliau berkata, ia berbeza dengan laporan audit biasa yang dimulakan JAN,

laporan audit khas diminta sama ada oleh Kabinet atau PAC apabila auditor diberi kuasa bukan sahaja mendapatkan maklumat daripada pihak diaudit, malah daripada pihak ketiga.

"Kami pernah melakukan (laporan audit khas) beberapa kali sebelum ini...sebagai contoh laporan audit projek KLIA2 yang diminta oleh Kabinet," katanya.

Disoal Sri Ram mengenai siapakah perdana menteri ketika laporan audit itu dijalankan, saksi berkata: "Datuk Seri Najib Razak (tertuduh kedua)."

Sri Ram kemudian bertanya sama ada Najib ada meminta supaya laporan itu (KLIA2) dipinda.

Saksi itu menjawab: "Ti-

dak."

Najib, 68, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan pada laporan audit akhir iMDB sebelum dibentangkan kepada PAC untuk mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda dituduh bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan bagi mengelak Ahli Parlimen Pekan itu dikenakan tindakan.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Harian Metro | 23 October | Page 12

Drebar minta suap lebih RM10,000 direman lima hari



SUSPEK ditahan jam 2 petang kelmarin di pejabat SPRM Selangor.

Shah Alam: Seorang pemandu kenderaan sebuah jabatan kerajaan direman lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kerana disyaki meminta dan menerima wang suapan berjumlah lebih RM10,000.

Permohonan reman lima hari sehingga 26 Oktober itu dibenarkan Majistret Nur Faizah Abdul Sani selepas Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) membuat permohonan berkenaan di Mahkamah Majistret Shah Alam, semalam.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia 31 tahun itu ditahan sekitar jam 2 petang kelmarin di pejabat

SPRM Selangor ketika hadir memberikan keterangan.

Difahamkan, suspek yang bertugas sebagai pemandu kenderaan di sebuah jabatan kerajaan di Kuala Lumpur itu me-

Suspek terima suapan daripada pengarah urusan sebuah syarikat

minta dan menerima wang suapan berjumlah lebih RM10,000

daripada seorang pengarah urusan sebuah syarikat.

Difahamkan, ia sebagai balasan membantu mendapatkan kerja penyelenggaraan kenderaan jabatan kepada syarikat berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Alias Salim mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

lokal

LAPORAN AUDIT: TIDAK PATUH PENGURUSAN KEWANGAN

Malaysia kerugian RM620 juta

Kuala Lumpur

Ketidakpatuhan Kementerian dan jabatan Persekutuan terhadap pengurusan kewangan menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan berjumlah RM620.07 juta pada 2020.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur, RM499.19 juta membabitkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan di Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sementara itu, daripada RM104.79 juta kerugian wang awam, RM81.69 juta merupakan penalti belum tuntut dan tidak dikenakan pembaziran RM4.79 juta membabitkan peralatan lewat diterima dan tidak dipasang di Istana Budaya.

"Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara sudah mengemukakan 29 syor iaitu empat syor untuk pengesahan penyata kewangan dan 25 syor untuk pengauditan pematuan Kementerian dan jabatan Persekutuan untuk dipertimbangkan pelak-

sanaannya oleh kementerian dan jabatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan kepada Bernama berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuan Kementerian dan jabatan Persekutuan Tahun 2020 yang dibentang di Dewan Rakyat, semalam.

Nik Azman berkata, pengauditan pematuan membabitkan sejumlah RM899.44 juta sudah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan meliputi aspek pengurusan kontrak berjumlah RM772.40 juta, perolehan kerajaan (RM54.8 juta) serta kutipan hasil (RM72.24 juta).

Sementara itu, dalam Penegasan Perkara (*Emphasis of Matter*) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Ketua Audit Negara menyatakan hutang Kerajaan Persekutuan pada 2020 berjumlah RM879.560 bilion atau 62.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Hutang Persekutuan meningkat sebanyak RM86.562 bilion atau 10.9 peratus berbanding RM792.998 bilion atau 52.4 peratus pada 2019.

Menurut Ketua Audit Negara, sebanyak 50.4 peratus

29
Jumlah syor dikemukakan Ketua Audit Negara bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil

atau RM98.058 bilion daripada RM194.555 bilion pinjaman baharu pada 2020 digunakan untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang sudah matang.

"Ini menunjukkan kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu untuk membayar pinjaman matang dan penggunaan dana Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM8.265 bilion bagi pelunasan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Komitmen Jaminan," katanya.

Selain itu, sejumlah RM2.65 bilion digunakan

untuk membayar perbelanjaan perkhidmatan sokongan hospital dan klinik

di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sebelum ini dibayar menggunakan peruntukan belanja mengurus.

"Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya digunakan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan Negara serta mempunyai kesan pengganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi," katanya.

Sementara itu, hasil kerajaan Persekutuan merosot 14.9 peratus kepada RM225.075 bilion pada 2020 berbanding RM264.415 bilion tahun sebelumnya manakala perbelanjaan Co-

vid-19 berjumlah RM38.019 bilion.

Perbelanjaan mengurus pula merosot 14.7 peratus kepada RM224.6 bilion iaitu penurunan sebanyak RM38.743 bilion berbanding tahun 2019 manakala perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM51.36 bilion iaitu pengurangan sebanyak RM2.813 bilion atau 5.2 peratus berbanding RM54.173 bilion pada 2019.

Nik Azman berkata, secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada ka-

dar 6.2 peratus, berbanding 3.4 peratus atau RM51.37 bilion pada 2019.

Menurut kenyataan itu LKAN ini mengandungi tiga komponen utama iaitu pengesahan penyata kewangan Kera-

jaan Persekutuan bagi Tahun berakhir 31 Dis 2020, analisis kewangan Kerajaan Persekutuan dan pengauditan pematuan kementerian dan jabatan Persekutuan.

Nik Azman berkata, secara keseluruhannya, penyata kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Ia merupakan pembentangan LKAN kedua di Dewan Rakyat tahun ini selepas LKAN Tahun 2019 Siri 2 dibentangkan pada 28 September lalu dan semalam juga, Jabatan Audit Negara memberi taklimat kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen berhubung isu-isu utama penemuan Audit.

LKAN ini boleh diakses oleh orang awam di laman sesawang <http://www.audit.gov.my> mulai jam 10.10 pagi semalam manakala isu-isu dalam LKAN Pengauditan Pematuan Kementerian dan jabatan Persekutuan Tahun 2020 pula akan dimuat naik di Portal Auditor General's Dashboard (AGD) mulai jam 11 pagi semalam.



NIK Azman

SIHAR HARIAN/29 OKTOBER
2021/M.S:1



LAPORAN AUDIT

NEGARA RUGI RM620 JUTA

KEGAGALAN kementerian dan jabatan Persekutuan mematuhi prosedur pengurusan kewangan telah menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan berjumlah lebih RM620 juta pada 2020.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur, RM499.19 juta melibatkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

8



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020

JUMAAT 29 OKTOBER 2021 • SINAR HARIAN

Tak patuh pengurusan kewangan, negara rugi lebih RM620 juta

Sebanyak 29 syor dikemukakan bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh kementerian dan jabatan terlibat

KUALA LUMPUR

Ketidakpatuhan kementerian dan jabatan Persekutuan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran kepada kerajaan berjumlah RM620.07 juta pada 2020.

Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid berkata, daripada RM510.49 juta pembayaran tidak teratur, RM499.19 juta melibatkan bayaran tuntutan perkhidmatan penyenggaraan tanpa pengesahan di Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sementara itu, daripada RM104.79 juta kerugian wang awam, RM81.69 juta merupakan penalti belum tuntutan dan tidak

dikenakan Jabatan Imigresen manakala pembaziran RM4.79 juta melibatkan peralatan lewat diterima dan tidak dipasang di Istana Budaya.

"Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 29 syor, iaitu empat syor untuk pengesahan penyata kewangan dan 25 syor untuk pengauditan pematuan kementerian dan jabatan Persekutuan untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian dan jabatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Khamis.

Nik Azman berkata, pengauditan pematuan melibatkan sejumlah RM899.44 juta telah dilaksanakan terhadap tiga kementerian dan lima jabatan Persekutuan meliputi aspek pengurusan kontrak berjumlah RM772.40 juta, perolehan kerajaan (RM54.8 juta) dan kutipan hasil (RM72.24 juta).

Sementara itu, dalam Penegasan Perkara (Emphasis of

Matter) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Ketua Audit Negara menyatakan hutang kerajaan Persekutuan pada 2020 berjumlah RM879.560 bilion atau 62.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Hutang Persekutuan meningkat sebanyak RM86.562 bilion atau 10.9 peratus berbanding RM792.998 bilion atau 52.4 peratus pada tahun 2019.

Menurut Ketua Audit Negara, sebanyak 50.4 peratus atau RM98.058 bilion daripada RM194.555 bilion pinjaman baharu pada 2020 digunakan untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang telah matang.

"Ini menunjukkan kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu untuk membayar pinjaman matang dan penggunaan dana Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM8.265 bilion bagi peluasan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Komitmen Jaminan," katanya.

Selain itu, sejumlah RM2.65 bilion digunakan untuk membayar perbelanjaan perkhidmatan sokongan hospital dan klinik di Kementerian Kesihatan serta penyenggaraan fasiliti di Kementerian Pendidikan yang sebelum ini dibayar menggunakan peruntukan belanja mengurus.

"Dana Kumpulan Wang Pembangunan yang dibiayai melalui pinjaman sepatutnya diguna-



Nik Azman pada sidang media Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 pada Mesyuarat Kedua Penggal Keempat, Parlimen Ke-14 di Bangunan Parlimen pada Khamis.

kan untuk membiayai projek pembangunan fizikal yang menyumbang kepada pembentukan modal baharu yang boleh meningkatkan pembangunan negara serta mempunyai kesan penganda yang tinggi untuk menjana aktiviti ekonomi," katanya.

Merosot

Sementara itu, hasil kerajaan Persekutuan merosot 14.9 peratus kepada RM225.075 bilion pada 2020 berbanding RM264.415 bilion tahun sebelumnya manakala perbelanjaan Covid-19 berjumlah RM38.019 bilion.

Perbelanjaan mengurus pula merosot 14.7 peratus kepada RM224.6 bilion, iaitu penurunan sebanyak RM38.743 bilion berbanding tahun 2019 manakala perbelanjaan pembangunan pula

berjumlah RM51.36 bilion, iaitu pengurangan sebanyak RM2.813 bilion atau 5.2 peratus berbanding RM54.173 bilion pada 2019.

Nik Azman berkata, secara keseluruhan, kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM87.645 bilion dengan nisbah defisit kepada KDNK pada kadar 6.2 peratus, berbanding 3.4 peratus atau RM51.37 bilion pada 2019.

LKAN ini boleh diakses oleh orang awam di laman web <http://www.audit.gov.my> mulai 10.10 pagi Khamis manakala isu-isu dalam LKAN Pengauditan Pematuan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 pula akan dimuat naik di Portal Auditor General's Dashboard (AGD) mulai jam 11 pagi. - Bernama

Mindef gagal kutip hasil sewa

KUALA LUMPUR - Pengurusan hasil sewa tanah dan bangunan yang lemah dikenal pasti menjadi punca sejumlah RM10.30 juta hasil sewa gagal dikutip Kementerian Pertahanan (Mindef), menurut Laporan Ketua Audit Negara 2020.

Laporan yang dikeluarkan pada Khamis memaklumkan, Perwira Niaga Malaysia (Pernama) yang menduduki 139 premis Mindef bagi menjalankan perniagaan peruncitan di dalam kem tentera gagal membayar RM1.31 juta hasil sewa mereka setelah tempoh pajakan premis tamat pada 31 Mei 2014.

"Pengiraan hasil sewa itu dibuat dari 1 Jun 2014 hingga 31 Disember 2017 berdasarkan

tuntutan bayaran pajakan oleh Mindef kepada Pernama bertarikh 20 Disember 2000," kata laporan itu.

Laporan itu memaklumkan, perjanjian pajakan ditandatangani Pernama dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) pada 5 Mei 2010 bagi 139 premis di tanah kegunaan Mindef seluruh Malaysia adalah bagi tempoh 15 tahun bermula 1 Jun 1999 hingga 31 Mei 2014.

Laporan itu mengesyorkan supaya usul dengan pihak PTP dibuat bagi mendapatkan kelulusan sewa tanah dan bangunan kegunaan Mindef untuk membolehkan proses penyediaan perjanjian sewa semua premis diduduki Pernama disegerakan.

Terimaan dividen Petronas rendah berbanding 2019

KUALA LUMPUR - Faedah dan perolehan daripada pelaburan merupakan penyumbang utama bagi hasil bukan cukai bagi tahun 2020, iaitu berjumlah RM46.07 bilion atau 74.2 peratus daripada keseluruhan hasil bukan cukai.

Amaun ini berkurangan sebanyak RM13.99 bilion atau 23.3 peratus berbanding RM60.06 bilion pada tahun 2019, demikian menurut Laporan Ketua

Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan serta Pengauditan Pematuan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Khamis.

"Pengurangan ini disebabkan terimaan dividen lebih rendah daripada syarikat Petrolim Nasional Bhd (Petronas) iaitu sebanyak RM34 bilion berbanding RM54 bilion pada 2019," kata laporan itu.

JKDM disyor segera tuntutan duti kenderaan import yang terkurang

KUALA LUMPUR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) perlu membuat tuntutan duti kastam yang terkurang pungut berjumlah RM5.92 juta ke atas kenderaan import baharu dan terpakai dengan segera.

Menurut Laporan Ketua

Audit Negara 2020, semakan audit terhadap 669 sampel Borang K1 mendapati nilai kenderaan import yang diikrar di 28 borang telah terkurang nyata sebanyak RM2.58 juta menyebabkan ketirisan hasil duti kastam.

Justeru, pihak audit menges-

syorkan mengenakan denda terhadap pengimport kenderaan yang membuat perakuan/ikrar tidak tepat di Borang K1 dan siasatan sama ada berlaku kecurangan pegawai JKDM semasa meluluskan transaksi import kenderaan turut perlu dilaksanakan.

SINAR HARIAN • JUMAAT 29 OKTOBER 2021

PERSIDANGAN PARLIMEN KE-14 TAHUN 2021



RM98 bilion untuk bayar hutang

Meningkat sebanyak
RM15.3 bilion
berbanding RM82.7
bilion pada tahun 2019

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL
ASHRAF MOHD KHALID &
RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

Sejumlah RM98 bilion atau 50.4 peratus daripada keseluruhan RM194.5 bilion pinjaman baharu kerajaan digunakan hanya untuk tujuan membayar balik prinsipal hutang bagi 2020. Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen, Wong Kah Woh berkata, jumlah itu meningkat sebanyak RM15.3 bilion berbanding RM82.7 bilion pada tahun 2019.

"Jumlah ini diramal akan ber-

tambah dalam tahun-tahun yang akan datang.

"Ia merupakan suatu keadaan yang membimbangkan apabila kerajaan bergantung kepada pinjaman baharu untuk membiayai bayaran balik prinsipal pinjaman yang matang," katanya pada sidang akhbar di Dewan Rakyat pada Khamis.

Hadir sama, Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid.

PAC sebelum ini diberi taklimat oleh Nik Azman berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2020 serta Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan Tahun 2020.

Kah Woh berkata, PAC dimaklumkan Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara (Emphasis of Matter) telah dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara berhubung perkara itu.



Kah Woh (depan, dua dari kiri) dan Nik Azman (depan, dua dari kanan) pada sidang akhbar PAC di Dewan Rakyat pada Khamis.

Selain itu, beliau berkata, PAC juga dimaklumkan bahawa pinjaman kasar untuk tujuan Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2020 berjumlah RM48.5 bilion tidak digunakan sepenuhnya untuk tujuan pembangunan.

"Hanya sejumlah 77.53 peratus atau RM37.6 bilion digunakan untuk tujuan pembangunan dan yang bakinya digunakan untuk tujuan pelunasan liabiliti dan

komitmen jaminan serta untuk tujuan perbelanjaan mengurus.

"Keadaan ini adalah tidak sihat dan tidak dapat mengoptimalkan tujuan peruntukan pembangunan," katanya.

Kah Woh berkata, dalam pengauditan pematuhan terhadap Kementerian dan jabatan persekutuan, jumlah semakan audit dilakukan bagi lapan tajuk pengauditan bernilai RM899.4 juta.

Menurutnya, sejumlah RM620 juta daripadanya dikesan membabitkan isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran yang maklumat terperinci seperti yang dilaporkan dalam LKAN.

Daripada jumlah itu juga, katanya, sejumlah RM499.1 juta adalah isu pembayaran tidak teratur membabitkan Majlis Keselamatan Negara dalam Projek Rangkaian Trunk Radio Bersepadu Kerajaan.

Sementara itu, Nik Azman berkata, keadaan separuh daripada hutang baharu digunakan untuk membayar hutang lama yang telah matang itu merupakan satu keadaan yang membimbangkan bagi Jabatan Audit Negara.

Katanya, ia kerana sepatutnya hutang dibayar melalui hasil atau lebihan hasil yang ada.

"Pada 2020 negara hadapi Covid-19 dan kerajaan memperkenalkan langkah-langkah perbelanjaan untuk memberi bantuan dan atasi Covid-19," katanya.

THE SUN/29 OKTOBER 2021

RM620m lost through non-compliance with financial management

KUALA LUMPUR: Non-compliance of federal ministries and departments with financial management has led to issues involving irregular payments, loss of public funds and wastage amounting to RM620.07 million in 2020.

Auditor-General Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid said of the RM510.49 million in irregular payments, RM499.19 million involved payments for maintenance service claims without being verified at the National Security Council level.

Meanwhile, of the RM104.79

million loss in public funds, RM81.69 million involved unclaimed penalties not imposed by the Immigration Department, RM4.79 million involved equipment that was received late and not installed at Istana Budaya.

"To enable corrective action and improvements to be taken, the auditor-general has submitted 29 recommendations, namely four recommendations for verification of financial statements and 25 recommendations for compliance audits of federal ministries and departments to be considered for implementation by ministries and

departments," he said.

He said this in a statement to Bernama after the Auditor-General's Report on the federal government's financial statements and the 2020 Federal Ministries and Departments Compliance Audit was tabled at the Dewan Rakyat yesterday.

Nik Azman said compliance audits involving a total of RM899.44 million had been carried out on three ministries and five federal departments, covering aspects of contract management amounting to RM772.40 million, government procurement (RM54.8 million) and

revenue collection (RM72.24 million).

On the federal government's financial statements, the auditor-general stated that the federal government's debt in 2020 amounted to RM879.56 billion or 62.1% of gross domestic product.

Federal debt increased by RM86.562 billion or 10.9% compared with RM792.998 billion or 52.4% in 2019.

The auditor-general said 50.4% or RM98.058 billion of the RM194.555 billion of new loans in 2020 was used to finance the principal repayment of matured loans.